

# SUKUMS 2019 Wadah Warga UMS Membudayakan Kesihatan Melalui Sukan

Terakhir dikemaskini: Khamis, 04 Julai 2019 16:31 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 254

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 4 JULAI** – Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (SUKUMS) 2019 Kali Ke- 18 yang bakal berlangsung pada 12 hingga 14 Julai ini menjadi platform terbaik kepada

kakitangan UMS dalam membudayakan kesihatan melalui penyertaan acara sukan yang dipertandingkan.

Kejohanan yang akan berlangsung di sekitar gelanggang kampus UMS serta beberapa tempat di Kota Kinabalu dan Tuaran bakal menyaksikan 8 kontinjen yang terdiri daripada Twin Tower, D'Arts, Science United, Super 9, Royal Esteem, The Legend, 1KAL dan FPL Warrior berentap bagi merebut 50 pingat emas daripada 23 jenis sukan yang dipertandingkan.

Dengan penglibatan seramai lebih 1500 atlet dan pegawai dalam SUKUMS 2019, temasya tahunan universiti itu juga mampu meningkatkan silaturahim dalam kalangan kakitangan melalui penyertaan acara sukan.

Dalam pada itu, acara larian obor yang berlangsung bermula di laman Bangunan Canselor pada petang kelmarin menyemarakkan lagi kejohanan SUKUMS yang akan dirasmikan pada 12 Julai ini.

Lima wakil daripada Kontinjen Twin Tower, iaitu Mohamad Edrus Othman, Awina Kamis, Saini Mohilap, Mohd. Aiddy Sufian Abd Rashid dan Abdul Ghani Amat diberi penghormatan mengetuai larian obor yang turut disertai oleh kira-kira 50 staf yang lain.

Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof menyerahkan obor yang dinyalakan kepada Mohamad Edrus untuk dibawa sehingga ke kawasan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS sebelum diserahkan kepada wakil kontinjen D'Arts.

Terdahulu, Vina ketika ditemui berkata, larian obor merupakan acara yang buat julung kalinya diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-25 UMS pada tahun ini.

Katanya, ia juga bagi menyemarakkan lagi program Jom Sihat UMS yang diadakan pada setiap Rabu melibatkan semua warga UMS.

Acara pelepasan larian disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail.